

NO. SOALAN : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]

TARIKH : 25 Mac 2014

SOALAN : 72

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melakukan rombakan semula bagi menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebuah institusi bebas menurut lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan dan bukan sekadar menurut Akta Parlimen agar SPRM dapat menjadi agensi paling berkesan bagi menangani masalah rasuah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menambahbaik usaha-usaha mencegah jenayah rasuah di negara ini termasuklah melakukan penambahbaikan dari segi undang-undang dan memperkemas prosedur-prosedur sedia ada.

Pada masa ini, selaras dengan penubuhan SPRM, 5 mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan, yang bertindak sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Jawatankuasa Aduan (JA) dibuat melalui peruntukan undang-undang yang berkaitan. Manakala, bagi pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan serta Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran.

Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM. Sesungguhnya, mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan.

Sudah semestinya, persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan Kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan serta kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah,

penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Perlu juga ditegaskan bahawa usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan ini menunjukkan bahawa Kerajaan sememangnya serius dan bersungguh-sungguh dalam menangani gejala rasuah di negara ini.

Sekian, terima kasih.